

Prospek Aplikasi Modal Teroka Islam dalam Koperasi di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur

Prospects of Islamic Venture Capital Application in Cooperatives in Malaysia: A Literature Review

AZLIN ALISA AHMAD, Universiti Kebangsaan Malaysia
KHAIRUL FATIHIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Modal teroka terbukti memberikan kesan positif kepada perkembangan ekonomi negara kelas pertama. Namun di Malaysia, aplikasi modal teroka masih ketinggalan berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Artikel ini mengkaji alternatif lain bagi aplikasi modal teroka Islam selain dari aplikasi sedia ada melalui syarikat modal teroka dan syarikat pengurusan modal teroka. Kajian ini akan melihat apakah prospek yang terdapat dalam koperasi koperasi di Malaysia bagi aplikasi Modal teroka Islam. Teori Pretorius & Schutte digunakan sebagai rujukan di mana konsep koperasi primer dan koperasi sekunder diperkenalkan. Prospek ini juga dapat diteliti dengan melihat lanskap sedia ada koperasi – koperasi di Malaysia. Terdapat dua pilihan bagi aplikasi kepatuhan Syariah dalam aplikasi modal teroka Islam sama ada menggunakan konsep sedia ada yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ataupun melalui pilihan lain selain dari yang ditetapkan oleh SKM. Metode yang digunakan adalah analisis kandungan. Akhirnya, kajian mendapati terdapat peluang yang besar bagi aplikasi modal teroka Islam dalam koperasi di Malaysia. Kajian juga melihat terdapat persoalan-persoalan penting yang perlu dirungkai bagi aplikasi modal teroka Islam di dalam koperasi di Malaysia.

Kata kunci: Prospek, Modal teroka, Koperasi, Koperasi Primer, Koperasi Sekunder

ABSTRACT

Venture capital is proven as contributed to a positive impact on the development of economy of the first class country. However, in Malaysia, the application of the venture capital is still left behind compared to other developed countries like US and Japan. This article examines the other alternatives to the application of Islamic venture capital, besides the existing applications through the venture capital firms and venture capital management companies. This study will analyze the prospects of co-operatives in Malaysia for Islamic venture capital application. Pretorius & Schutte's theory is used as a reference in which the concept of primary and secondary cooperatives is introduced. This prospect can also be explored by analyzing at the existing landscape of Malaysian cooperatives. There are two options of Shariah-compliant applications in Islamic venture capital either using the existing concepts set up by the Malaysian Cooperative Commission (MCMC) or through other options than prescribed by the MCMC. The method used for this study is content analysis method. Finally, the study found that there is a great opportunity for Islamic venture capital applications in co-operatives in Malaysia. The study also found that there are important questions that need to be discovered in order to apply the Islamic venture capital in co-operatives in Malaysia.

Keywords: Prospect, Venture Capital, Co-operative, Primer Cooperative, Secunder Cooperative.

PENGENALAN

Modal teroka menyediakan modal ekuiti untuk syarikat peringan permulaan (start-up company) yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi di mana kebanyakannya tergolong dalam projek sains dan teknologi dan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perundingan kepada mereka untuk memperoleh pertumbuhan modal sederhana dan panjang melalui pemindahan ekuiti. (Feng, 2018). Prospek pula menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP 2010) adalah kemungkinan atau peluang untuk

mencapai kejayaan pada masa akan datang. Dari sudut aplikasi, telah ada modal teroka di Malaysia sama ada konvensional ataupun Islamik. Namun, aplikasi modal teroka di koperasi di Malaysia belum pernah wujud.

Industri modal teroka di Malaysia belum mencapai pertumbuhan yang mampan seperti yang diharapkan. Contohnya Abdullah Jalil (2005), mendapati potensi pembiayaan modal teroka di Malaysia belum lagi digunakan sepenuhnya kerana kekurangan projek yang sesuai. Contohnya pada akhir tahun 2014 beliau mendapati dana modal

teroka yang telah digunakan adalah berjumlah RM1,058 Juta dari RM2,266 juta iaitu 46.69 peratus sahaja. Selain itu, syarikat syarikat peringkat permulaan dilihat lebih suka mendapatkan pembiayaan modal teroka dari negara negara lain. Contohnya syarikat peringkat permulaan seperti Piktochart, Kaodim, dan DeliverEat (lihat LAMPIRAN A).

Walaupun demikian, kerajaan Malaysia dilihat menunjukkan minat yang tinggi dalam memajukan industri modal teroka. Contohnya kerajaan telah mengarahkan Institut Penyelidikan Pasaran Modal (ICMR) menjalankan kajian yang holistik bagi kemajuan industri ini. Kajian ini telah mengkaji status semasa industri modal teroka, cabaran yang dihadapi oleh industri dan cadangan bagi memangkinkan lagi industri ini. (Noor Azura: 2019)

Oleh itu, kajian ini akan melihat kemungkinan atau peluang bagi aplikasi modal teroka Islam dalam koperasi di Malaysia sebagai alternatif bagi aplikasi modal teroka sedia ada. Penulis akan memberikan gambaran secara ringkas berkenaan modal teroka, modal teroka Islam, koperasi patuh Syariah, model koperasi modal teroka, dan model aplikasi modal teroka Islam di Malaysia melalui gerakan koperasi.

KONSEP MODAL TEROKA


Modal teroka adalah salah satu bentuk pembiayaan kepada usahaniaga berbentuk perkongsian untung rugi; iaitu sebuah teori yang telah mendominasi literatur dalam perbankan dan kewangan Islam pada peringkat awal. (Jalil, 2005). Konsep pembiayaan modal teroka sangat berbeza berbanding konsep pembiayaan biasa yang dibuat oleh pihak perbankan konvensional mahupun perbankan Islam. Contohnya modal teroka bukan sahaja memberikan bantuan kewangan bahkan menyediakan perkhidmatan tambah nilai yang lain seperti pentadbiran, pemasaran, dan memberikan capaian dan rangkaian strategik seperti akauntan, peguam, bank pelaburan, dan organisasi tertentu yang berkaitan usahaniaga tersebut. (Gompers & Lerner, 2001).

Walaupun demikian, modal teroka ini merupakan sebuah kontrak yang sangat berisiko tinggi. Pelabur perlu bersedia menerima kerugian bersama sekiranya usaha niaga yang dibuat bersama usahawan tersebut gagal. Sebaliknya pelabur juga bakal menerima pulangan pelaburan yang tinggi sekiranya usaha niaga tersebut berjaya. Modal teroka lazimnya digunakan bagi membiayai usahaniaga yang bersifat kecil dan baru akan tetapi terhalang dari mendapat pembiayaan dari institusi kewangan kerana tabiat perniagaan yang tidak pasti dan risiko perwakilan. (Gompers & Lerner, 2001) Oleh sebab itu, modal teroka hanya memilih projek yang berpotensi tinggi untuk memberikan ganjaran yang tinggi sekalipun menghadapi risiko ketidak-pastian yang tinggi. Perkara ini juga menjadi punca kebanyakan kontrak perbankan Islam hanya tertumpu kepada kontrak jual beli, upah dan sewa/ sewa-beli


(Dar & Presley, 2000) berbanding kontrak perkongsian untung rugi seumpama modal teroka.

Modal teroka juga biasanya dirujuk sebagai “wang pereka cipta” di mana konsep pelaburan ini tidak hanya menuntut sumbangan wang sahaja, bahkan penglibatan aktif pelabur terhadap perjalanan usaha niaga pihak penerima pelaburan. (Black & Gilson, 1998; Gompers & Lerner, 1998, 1999). Oleh hal yang demikian, Modal teroka merupakan sumber dana utama kepada produk-produk yang berinovasi dan berteknologi tinggi di dunia. Kebanyakan teknologi pengganggu (*disruptive technology*) yang muncul mutakhir ini juga adalah dari syarikat yang didokong oleh pelaburan modal teroka seperti Facebook, Groupon, Zynga, LinkedIn, dan yang terkini teknologi dron. (Chung, E. & Wessel, M:2012, Mohd Zaky, 2019)

Rajah 1: Model modal teroka (D. Recklies & O. Recklies, 2000)



Rajah 2: Sumber dana modal teroka



D. Recklies & O. Recklies, (2000) menjelaskan aplikasi modal teroka seperti yang digambarkan di dalam rajah 1. Syarikat modal teroka akan mengumpulkan dana sama ada dari individu persendirian, institusi, dan syarikat kemudian disatukan di dalam tabung modal teroka. Dana tersebut akan dibahagikan kepada beberapa portfolio mengikut penilaian dan kesesuaian yang difikirkan oleh syarikat modal teroka. Selain dari dana kewangan, syarikat modal teroka juga akan menyediakan khidmat nasihat dari sudut kemahiran pengurusan, akses kepada pasaran, dan jaringan perniagaan. Ia dapat dijalankan dengan cara melantik wakil dari syarikat modal teroka menjadi sebahagian lembaga pengarah atau menjadi konsultan kepada pengurusan, atau menjadi penasihat kewangan kepada projek tertentu.

(Narayansamy, Hashemoghli, & Rasidah, 2012) merumuskan terdapat 4 jenis modal yang boleh diberikan oleh syarikat modal teroka mengikut peringkat perniagaan iaitu modal benih, modal

syarikat peringkat permulaan, modal perkembangan, dan modal peringkat lanjutan. Modal benih membolehkan usahawan menguji produk inovasi yang dihasilkan, modal syarikat peringkat permulaan membolehkan usahawan menggerakkan inovasi sama ada dalam bentuk perkhidmatan atau produk ke dalam operasi perniagaan yang sebenar. Modal perkembangan pula membolehkan usahawan meneruskan dan mengembangkan perniagaan ke peringkat seterusnya. Modal peringkat lanjutan adalah bagi memudahkan proses pengambilalihan, proses divestasi, atau proses pembelian.

Rajah 3: Jenis jenis modal yang diberikan oleh modal teroka mengikut peringkat perniagaan.



Sumber: Narayansamy *et al.* 2012

Menurut Bascha & Wals, (2001), antara ciri-ciri utama pembiayaan modal teroka adalah bersifat bertempoh. Oleh itu hubungan kewangan hendaklah ditamatkan selepas beberapa tempoh yang telah dipersetujui contohnya melalui pencairan saham selepas syarikat memasuki pasaran IPO. Selain itu terdapat juga cara lain seperti pembelian semula saham oleh pengasas syarikat (buy-back), penjualan semula saham kepada pelabur institusi, atau jualan perdagangan (trade sales) iaitu menjual syarikat bagi membolehkan pihak pengurusan menarik diri daripada perniagaan sedia ada dan boleh membuka peluang kerjasama dalam projek-projek yang lebih besar.

Ia juga disebut sebagai jalan keluar kepada usahasama yang telah dijalinan. Melalui jalan keluar dari pelaburan seperti yang telah disebutkan oleh Bascha & Wals, (2001), syarikat modal teroka dan para pelabur akhirnya mendapat pulangan dari pelaburan yang telah dibuat. Syarikat modal teroka perlu memilih dengan penuh berhemat bagaimana meletakkan strategi untuk keluar dari pelaburan yang dibuat dengan kadar keuntungan yang tertinggi pada waktu yang tepat.

KONSEP MODAL TEROKA ISLAM

Konsep modal teroka telah mula muncul pada abad ke-15 di United Kingdom dan semakin maju di Amerika Syarikat. (Feng, 2018). Walaubagaimanapun terdapat pandangan yang menyatakan bahawa modal teroka adalah satu produk yang berevolusi dari konsep mudharabah yang dibawa oleh pedagang Arab. (Cizakca, 2010). Konsep mudharabah telah dibahas oleh cendekiawan Islam dalam perbincangan fiqh muamalat dan telah dipakai secara meluas oleh umat Islam.

Aplikasi modal teroka pula telah mula digunakan oleh umat Islam sebelum abad ke-15 lagi. Contohnya dalam sektor perkilangan & perdagangan kain dan pengeluaran bantal & kasut telah dibiayai dalam bentuk pembiayaan modal teroka pada zaman kesultanan Uthmaniyyah. (Syahida Abdullah, 2014). Hakikatnya, konsep modal teroka yang muncul pada abad ke-15 di United Kingdom adalah kemunculan dalam bentuk yang moden yang berevolusi dari kontrak Mudharabah.

Modal teroka Islam telah muncul secara berperingkat. Menurut Rusni (2013), modal teroka Islam di Malaysia telah muncul secara berperingkat melalui tiga fasa iaitu;

1. Syarikat modal teroka konvensional mula menawarkan produk modal teroka Islam
2. Kerajaan mula melihat kepentingan modal teroka termasuk modal teroka Islam. Inisiatif dari kerajaan mula terdorong seperti penubuhan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Malaysian Exchange of Security Dealing Automated Quotation (MESDAQ), Technology Park Malaysia (TPM), dan Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP).
3. Tiga kontrak syariah mula digunakan seperti Musharakah, Mudharabah, dan Wakalah. Hakikatnya gabungan antara 3 Kontrak telah digunakan bagi memastikan keanjalan produk modal teroka Islam. Tawarruq juga digunakan bagi membeli aset tetap penerima pelaburan.

Nurul Huda & Mohammad Heykal (2010), telah mendefinisikan modal teroka Islam sebagai pembiayaan modal teroka yang bersifat klasik dengan bentuk pembiayaan *musyarakah* atau *mudharabah*. Sementara itu Andri Soemetra (2010) menafsirkan modal teroka Islam sebagai perniagaan pembiayaan dalam bentuk penyertaan modal ke dalam suatu perusahaan yang menerima bantuan pembiayaan untuk jangka waktu tertentu dengan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

Tafsiran kedua ini dilihat lebih tepat kerana tidak meletakkan sifat klasik di dalamnya. Selain itu, perkataan 'berlandaskan prinsip-prinsip Syariah' tidak membataskan aplikasi modal teroka kepada konsep mudharabah atau musharakah sahaja. Walhal jika dilihat dari aplikasi modal teroka di Malaysia ia sebenarnya telah melibatkan kontrak Wakalah seperti yang dinyatakan oleh Rusni (2013) pada fasa yang ketiga. Takrifan ini juga mengeluarkan modal teroka yang tidak patuh syariah.

Terdapat dua sudut pandang dalam melihat kepatuhan Syariah dalam modal teroka Islam. Pandangan pertama melihat modal teroka secara asasnya adalah mematuhi syariah. Menurut Ahmad Lutfi, (2000), modal teroka konvensional mempunyai persamaan yang besar dengan modal teroka Islam

dari sudut kedua-duanya adalah pelaburan ekuiti, perkongsian risiko-ganjaran, dan pelaburan yang memberikan nilai tambah. Hanya yang membezakan adalah modal teroka Islam hanya boleh melabur kepada perniagaan patuh syariah dan modal teroka konvensional boleh melabur kepada semua jenis perniagaan. Al-Suwailem, (1998) juga menyokong pandangan ini dengan hujah modal teroka adalah sejenis syarikat al-inan dengan syarat semua jenis pembiayaan hendaklah tidak melibatkan riba atau perbankan konvensional.

Pandangan kedua pula melihat modal teroka yang diamalkan di barat secara asasnya tidak mematuhi syariah. Contohnya Elsiefy, (2014) berhujah bahawa modal teroka yang diamalkan di barat mengaplikasikan bon boleh tukar sebagai sumber mendapatkan modal. Justeru, beliau mencadangkan sebuah model modal teroka patuh Syariah yang mempunyai enam keperluan fundamental iaitu;

1. Penasihat Syariah
2. Semua aktiviti perniagaan adalah patuh syariah termasuk metod pembiayaan
3. Semua instrumen kewangan hendaklah patuh syariah
4. Struktur undang-undang yang mantap
5. Kontrak *Musarakah* yang standard.
6. Jalan keluar untuk pelaburan yang mudah.

Namun, secara asasnya dua pandangan ini adalah tidak berbeza kerana kedua-duanya mensyaratkan pembiayaan tidak melibatkan riba atau perkara yang tidak patuh Syariah dan mensyaratkan pelaburan yang dibuat hendaklah dibuat kepada pelaburan patuh Syariah sahaja. Sementara itu, pandangan kedua ini dilihat lebih terperinci contohnya mensyaratkan pelantikan penasihat Syariah secara rasmi bagi memastikan perjalanan perniagaan modal teroka tersebut mematuhi Syariah.

Oleh itu, amalan di Malaysia menyokong pandangan kedua di mana terdapat model Modal teroka Islam yang khusus dan mempunyai keperluan tambahan seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan amalan terbaik modal teroka Islam. Garis panduan ini adalah satu panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 27 Mei 2008 bagi panduan amalan terbaik modal teroka Islam.

Menurut garis panduan ini terdapat tiga keperluan utama supaya sesebuah syarikat modal teroka (SMT) atau syarikat pengurus modal teroka (SPMT) disenaraikan sebagai modal teroka Islam atau syarikat pengurus modal teroka Islam. Tiga keperluan utama tersebut adalah:

1. SMT dan SPMT hendaklah berdaftar menurut Garis Panduan Pendaftaran SMT dan SPMT yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
2. Penasihat Syariah yang bebas hendaklah dilantik.

3. Aktiviti perniagaan hendaklah mematuhi Syariah termasuk aset yang mendasar dan aktiviti pelaburan.

Menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, jadual keempat, bahagian kedua, menunjukkan bahawa SMT atau SPMT yang menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan sekuriti atau menjalankan aktiviti menguruskan pelaburan atau menguruskan pelaburan bersama berkaitan dana modal teroka perlulah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Garis Panduan Pendaftaran Modal Teroka yang dikeluarkan pada 9 Mac 2015 pula telah memperuntukkan bahawa sesiapa yang ingin mendaftarkan perniagaan modal teroka Islam atau ekuiti swasta Islam hendaklah melantik seorang penasihat Syariah bagi memastikan semua aktiviti yang dijalankan sentiasa mematuhi keperluan Syariah termasuklah resolusi resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh majlis penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

KOPERASI ISLAM DI MALAYSIA

Menurut International Cooperative Alliance (ICA), koperasi boleh ditakrifkan sebagai sebuah persatuan manusia yang berautonomi, bergabung secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui satu pertubuhan yang dimiliki bersama dan dikawal secara demokratik. (ICA, 2012). Koperasi Islam pula tidak lari jauh dari takrifan ini kerana ia hanya menambahkan syarat kepatuhan Syariah di dalam takrifan ini. Contohnya Muhammad Issyam, Rusni, dan Syed Musa (2016), menjelaskan koperasi Islam adalah sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti dan perniagaan belandaskan prinsip prinsip Syariah

Pada awal penubuhan koperasi di Tanah Melayu, tiada ketetapan yang jelas bagaimana koperasi Islam itu berfungsi. Bahkan, koperasi yang menawarkan pinjaman kredit berfaedah dibenarkan oleh sebahagian pihak berkuasa agama terutamanya pihak sultan dan ulama rasmi kerajaan. (Ahmad Hidayat Buang, 2004). Perkara ini mungkin menggunakan alasan *akhaff al-dararayn*¹ dan *maslahah* ketika itu bagi menghapuskan beban hutang yang tinggi antara orang Melayu Islam dengan peniaga Cina dan ceti India. Akhaff al-dararayn bermaksud memilih antara dua kemudaran yang lebih ringan. Menurut Al-Zuhayli, (1998) kemudaran tidak berada di peringkat yang sama.

¹ *Akhaff al-dararayn*: memilih antara dua kemudaran yang lebih ringan. Menurut Al-Zuhayli, (1998) kemudaran tidak berada di peringkat yang sama. Masing masing berbeza dari segi kemudaran itu sendiri dan dari segi kesannya. Menurut Ibnu Taimiyyah, (1995) pula, tidak harus menolak kemudaran yang ringan dengan kemudaran yang besar.

Namun, situasi terpencil seperti itu tidak sepatutnya dijadikan hujah umum untuk dipakai sepanjang zaman. Pada 31 Mei 1977 telah ditubuhkan sebuah koperasi Islam yang pertama di Malaysia iaitu Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (Mohd Mazli Mohd Aini, Salmy Edawati Yaacob, n.d.) iaitu enam tahun sebelum penubuhan perbankan Islam yang pertama di Malaysia. Ini membuktikan kewujudan koperasi Islam menjadi asas kepada penubuhan perbankan Islam yang berkembang pesat pada hari ini.

Kepesatan kemajuan di dalam industri perbankan Islam juga telah memberi kesan kepada perkembangan koperasi Islam pada hari ini. Koperasi Islam pada masa kini dikehendaki mematuhi GP 28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Selain itu terdapat juga garis panduan lain yang dikenakan bagi koperasi yang menjalankan aktiviti perantaraan kewangan berlandaskan Syariah seperti GP20: Garis Panduan Mengenai Federasi Koperasi Kredit, GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu), GP07B: Garis Panduan Pemberian Ibra' (Rebat) Bagi Pembiayaan Islam Berasaskan Jual Beli, dan lain lain. Hal ini dilihat, mirip kepada perbankan Islam di mana Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan Kerangka Tadbir Urus Syariah dan Parameter Syariah sebagai satu ketetapan dan panduan kepada perbankan Islam dan Takaful (lihat LAMPIRAN B).

Namun dari sudut aplikasi terdapat perbezaan yang ketara antara koperasi Islam dan perbankan Islam. Pertama dari sudut majlis penasihat Syariah di peringkat pusat. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah memperuntukkan peruntukan khas bagi perlantikan MPS di peringkat pusat sementara di dalam koperasi tiada peruntukan khas bagi perlantikan MPS di peringkat SKM. Bagaimanakah di peringkat koperasi Islam disyaratkan perlantikan jawatanakuasa Syariah sedangkan di peringkat SKM tiada peruntukan khas bagi perlantikan jawatankuasa Syariah. Kedua, dari sudut kerangka tadbir urus Syariah. Kerangka tadbir urus Syariah perbankan Islam telah memperuntukkan fungsi Kawalan risiko Syariah, fungsi semakan Syariah, fungsi kajian Syariah, dan fungsi audit Syariah. Sedangkan di dalam koperasi Islam, hanya fungsi sekretariat Syariah ditetapkan. Selain itu, tadbir urus ini hanya terbatas kepada koperasi yang fungsi perantaraan kewangan berlandaskan Syariah meliputi fungsi perbankan, fungsi kredit, pembiayaan dan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu).

Parameter Syariah di dalam perbankan Islam diketahui dengan jelas siapa yang mengeluarkannya iaitu MPS bank negara. Sedangkan di dalam koperasi tidak diketahui siapakah MPS SKM yang mengeluarkan garis panduan berkaitan produk kewangan Islam. Hal ini mungkin berpunca dari orientasi perbankan Islam adalah berdasarkan perlesenan sedangkan di dalam koperasi tidak ada

lesen khas bagi koperasi Islam. Koperasi Islam pula hanya perlu mematuhi garis panduan berkaitan apabila menjalankan aktiviti perantaraan kewangan patuh Syariah.

Dari sudut akta pula, terdapat akta khas berkaitan kewangan Islam iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sedangkan di dalam koperasi Islam, ia bergantung kepada akta yang sama seperti koperasi lain iaitu akta koperasi 1993 dan akta Suruhanjaya Koperasi 2007. Oleh itu, koperasi Islam dilihat mirip kepada perbankan Islam akan tetapi terdapat perbezaan antara keduanya.


Terdapat pihak yang menyokong supaya koperasi mengikut jejak perbankan Islam. (Itam@Ismail, Hasan, & Alhabshi, 2016), mencadangkan supaya terdapat satu undang-undang khas yang mengawal selia koperasi Islam supaya proses pematuhan syariah tidak diganggu. SKM pula dicadangkan supaya Majlis khas seperti Majlis Penasihat Syariah Bank Negara ditubuhkan kerana seksyen 26 (2) memberikan pilihan terhadap sebarang masalah berkaitan syariah hendaklah dirujuk SKM atau Majlis Penasihat Bank Negara.

Terdapat juga pihak yang melihat bahawa koperasi Islam perlu mengambil pendekatan yang tersendiri sesuai dengan tabiat koperasi. Contohnya (Samad & Shafii, 2016)), mendapati konsep pentadbiran sendiri dalam koperasi menyebabkan tadbir urus korporat dalam koperasi berbeza berbanding perbankan Islam. Contohnya, pelantikan panel penasihat Syariah sepatutnya tidak disyaratkan mendapat kebenaran dari SKM. Koperasi hanya perlu menghantar dokumen yang berkaitan bagi memaklumkan pelantikan panel penasihat Syariah. Ini ditambah lagi tiada panel penasihat Syariah di peringkat SKM.

MODEL KOPERASI MODAL TEROKA

Sebuah usahaniaga mungkin dalam satu dilema sama ada mengurangkan risiko sebaik mungkin atau menyokong keusahawanan sebaik mungkin. Namun, bagi Pretorius & Schutte, (2015), model koperasi modal teroka dapat menyeimbangkan antara pengurangan risiko dan meningkatkan sokongan terhadap keusahawanan. Model ini telah dibangunkan dengan menggunakan pendekatan eksplorasi dengan menggunakan teori konstruktivisme.

Rajah 4: Model Modal teroka Koperasi



Sumber: Pretorius & Schutte 2015

Struktur modal teroka koperasi ini dapat difahami melalui rajah 4 di atas. Struktur ini mengandungi dua jenis koperasi. Koperasi jenis pertama adalah koperasi penuh dan yang kedua adalah koperasi jenis hybrid yang mempunyai pelbagai guna. Koperasi penuh ini adalah seperti takrifan Akta Koperasi 1993 (pindaan 2007) [Akta 502]; suatu pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi yang berdaftar di bawah Akta ini. Koperasi ini juga disebut sebagai koperasi sekunder dimana fungsi asas adalah mengumpulkan dana bagi disalurkan kepada koperasi primer iaitu koperasi yang menjalankan usahaniaga.

Koperasi jenis kedua juga disebut koperasi primer di mana fungsi asas koperasi ini adalah menjalankan usahaniaga dan akan berkembang sehingga mampu dimutualisasikan kepada syarikat persendirian atau syarikat yang tersenarai dalam pasaran saham. Mathews, (2003) menjelaskan dimutualisasi adalah perubahan dari pemilikan ahli mutual (keahlian sama rata) seperti insurans mutual, pertubuhan mesra masyarakat, kesatuan kredit (credit union), dan koperasi kepada syarikat milik pemegang saham (mengikut pegangan saham). Konsep dimutualisasi ini akan menjadi jalan keluar kepada koperasi sekunder seterusnya mengumpulkan kembali keuntungan pelaburan. Jika dibandingkan dengan pelaburan modal teroka biasa ia adalah sebuah syarikat peringkat permulaan (*start-up company*).

Koperasi sekunder boleh menyalurkan dana modal teroka dalam pelbagai bentuk seperti dalam rajah 4 mengikut kesesuaian koperasi primer. Contohnya sekiranya produk atau perkhidmatan cadangan koperasi sekunder dalam peringkat permulaan, modal benih atau modal syarikat peringkat permulaan boleh diberikan. Sekiranya produk atau perkhidmatan cadangan koperasi sekunder telah sedia untuk dipasarkan secara meluas maka modal perkembangan dan modal peringkat lanjutan boleh ditawarkan.

Rajah 5 Elemen Penting dalam Model Modal Teroka



Sumber: Adaptasi dari A. Khan, T. Al-Rifai: 2000

Elemen penting modal teroka dilihat masih wujud di dalam struktur koperasi modal teroka ini. Rajah 5 di atas menggambarkan elemen penting modal teroka yang turut ada di dalam model modal teroka koperasi. Jika dilihat dalam pengumpulan dana, koperasi sekunder berperanan seumpama

syarikat modal teroka. Koperasi sekunder boleh mendapatkan dana dari institusi mahupun individu bernilai tinggi samaada dari dalam dan luar negara. Setelah dana yang diperlukan mencukupi, koperasi sekunder hendaklah merancang bagaimana pelaburan ingin dijalankan.

Penilaian dibuat sebelum pelaburan dijalankan sama ada melibatkan faktor dalaman ataupun faktor luaran. Faktor dalaman adalah seperti pengalaman pengurusan koperasi, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi, dan individu berbakat yang bekerja di dalam koperasi primer tersebut. Contoh faktor luaran pula adalah rakan pesaing koperasi primer, persekitaran kawal selia dari kerajaan, dan persekitaran ekonomi setempat mahupun antarabangsa.

Pelaburan yang ingin dijalankan semestinya mestilah disaring sebaiknya dan proses usaha wajar (*due diligence*) hendaklah dijalankan terlebih dahulu. Seterusnya menstruktur transaksi pelaburan menggunakan instrumen kewangan seperti penggunaan jenis saham biasa, penggunaan saham keutamaan, penggunaan konsep vesting dalam saham di mana koperasi primer tidak dapat sepenuhnya saham yang dipegang melainkan setelah mencapai satu tempoh tertentu atau setelah mencapai pencapaian tertentu.

Menurut Tang et al. (2013) dan Van Zyl, et al. (2013), gambaran mudah berkenaan modal teroka adalah seumpama sebuah perkahwinan dengan rancangan ingin bercerai seperti mana pelaburan dengan rancangan ini mencari jalan keluar. Justeru, di dalam model koperasi modal teroka ini juga menjangkakan terdapat jalan keluar selepas beberapa tempoh atau selepas perniagaan berjaya membina nilainya melalui tawaran awam permulaan, pembelian semula saham oleh koperasi primer, atau melalui penjualan saham kepada koperasi koperasi lain atau syarikat perniagaan yang lain.

Namun, terdapat pelbagai persoalan bagaimanakah model ini dapat diaplikasikan di dalam situasi Malaysia. Pertama dari sudut perundangan. Aplikasi model ini dilihat menggabungkan konsep koperasi dan konsep modal teroka, sedangkan dari sudut realiti Malaysia, modal teroka dipantau oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan syarikat modal teroka pula dipantau oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Adakah koperasi modal teroka akan dipantau oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia, atau pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, atau dari pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia memantau dari sudut pertubuhan sahaja, namun dari sudut penawaran produk pembiayaan modal teroka ia dipantau oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kedua, bagaimanakah cara untuk menangani koperasi jenis primer atau koperasi hybrid. Apakah koperasi primer perlu menggerakkan sendiri semua usahaniaga atau boleh menggajikan pihak pengurusan untuk urusan harian syarikat. Sekiranya koperasi primer boleh menggajikan pihak

pengurusan, mengapa diwujudkan koperasi primer. Mengapa tidak koperasi sekunder sendiri yang menggajikan pihak pengurusan bagi menguruskan perniagaan yang berkaitan. Mengapa tidak ditubuhkan sahaja anak syarikat sebagai sebuah syarikat sendirian berhad dan bukannya sebagai sebuah koperasi.

Ketiga, apakah koperasi sekunder boleh menjalankan perniagaan lain selain daripada memberikan dana kepada koperasi primer. Contohnya menawarkan pembiayaan peribadi, menawarkan perlindungan takaful, menjual produk tertentu atau memberikan khidmat tertentu. Adakah tawaran koperasi sekunder kepada ahli hanya terbatas kepada pulangan kewangan atau boleh dipelbagaikan dari sudut manfaat lain.

MODEL KOPERASI MODAL TEROKA ISLAM

Persoalan berkaitan kepatuhan Syariah di dalam model koperasi modal teroka adalah berkait rapat bagaimanakah aplikasi model modal teroka ini. Adakah ia adalah sebuah koperasi biasa yang menawarkan produk pembiayaan modal teroka ataupun model modal teroka koperasi adalah model yang tersendiri yang lain dari koperasi biasa. Apabila dilihat dari penjelasan terhadap rajah 4, koperasi sekunder ditakrifkan sebagai takrifan sebagai sebuah koperasi biasa. Namun, bagi koperasi primer adakah ianya adalah sebuah koperasi biasa atau sebuah koperasi jenis yang baru.

Sekiranya koperasi sekunder adalah sebuah koperasi biasa, maka garis panduan sedia ada yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah terpakai kepada koperasi ini. Contohnya GP 28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah memperuntukkan supaya terdapat perlantikan penasihat Syariah bagi penawaran produk kewangan Islam. Perlantikan ini pula perlu mendapat kebenaran dari pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu sebelum penasihat Syariah tersebut dilantik. Sekiranya koperasi sekunder ini adalah sebuah model tersendiri koperasi sekunder mungkin boleh mengambil konsep kepatuhan Syariah dari lain. Contohnya dengan mengambil pensijilan MS ISO 1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti - Keperluan daripada Perspektif Islam.

Sekiranya konsep kepatuhan Syariah di perbankan Islam diguna pakai pula, kepatuhan Syariah dilihat lebih menyeluruh dan mantap. Contohnya penggunaan kerangka tadbir urus Syariah dari BNM. Namun, ia mungkin menelan belanja yang tinggi sedangkan konsep modal teroka koperasi masih lagi baru.

LANSKAP KOPERASI DI MALAYSIA

Lanskap koperasi di Malaysia dapat digambarkan dengan melihat Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. Mekanisme pelaksanaan dasar ini adalah melalui pembahagian tiga jawatankuasa utama iaitu

jawatankuasa kerja, jawatankuasa pelaksanaan, dan jawatankuasa pemantau pelaksanaan. Pihak yang terlibat dalam jawatankuasa ini adalah Ketua Setiausaha Negara atau Timbalan Ketua Setiausaha Negara Kementerian, SKM, Maktab Koperasi Malaysia (MKM), dan Angkasa. Oleh itu, mekanisme pelaksanaan bagi Modal teroka Islam dalam koperasi koperasi di Malaysia juga boleh melibatkan pihak yang sama di dalam DKN 2011-2020.

Koperasi di Malaysia secara asasnya dikawal selia oleh sebuah suruhanjaya yang disebut sebagai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). SKM adalah sebuah suruhanjaya yang ditubuhkan dibawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 di mana fungsi asasinya adalah bagi merangsang pembangunan koperasi, menggalakkan sektor koperasi, dan mengekalkan keyakinan terhadap koperasi. (Abdul Hamid, Abdul Rahman, & Abdul Halim, 2014). Justeru, penglibatan SKM merupakan perkara asasi bagi kewujudan koperasi modal teroka Islam atau penawaran produk modal teroka Islam di dalam koperasi.

MKM pula merupakan pusat latihan yang menyediakan latihan khas bagi gerakan koperasi. Ia telah diperbadankan selapas diluluskan oleh parlimen pada 11 september 1968. Parlimen juga telah meluluskan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2011 [Akta 1398] yang mula berkuatkuasa pada 1 September 2011. Dari sudut struktur, sejak tahun 2009 sehingga kini, MKM telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Noodin, Kamsin & Saari, et al, 2006, mendapati pada bulan Jun hingga Disember 2005, lebih dari dua pertiga atau 66.5% peserta peserta yang mengikuti latihan MKM boleh mengamalkan pelajaran daripada latihan latihan yang disediakan. Dalam konteks koperasi modal teroka teroka Islam, badan ini boleh menjalankan kerjasama agar latihan yang dijalankan menjadi lebih berkesan contohnya selepas latihan dijalankan oleh pihak MKM, pihak koperasi sekunder memberi bimbingan dan khidmat mentor (*coaching and mentoring*) kepada koperasi primer.


Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) merupakan badan apeks bagi gerakan koperasi. Pada permulaan Koperasi ini telah didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33/1948. Pada 23 Mei 1996 badan ini telah diangkat mewakili gerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Berlainan dengan koperasi biasa, Angkasa membuka keahliannya kepada gerakan koperasi itu sendiri.

Selain dari memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi ahli khususnya dan Gerakan Koperasi amnya; Angkasa juga telah bekerjasama dengan badan badan lain bagi kebaikan koperasi itu sendiri. Contohnya kerjasama antara Angkasa dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah meningkatkan hasil kutipan zakat pada setiap tahun untuk semua jenis zakat. (Abdur

Rahman, Hairunnizam, & Sanep:2015). Hal ini mungkin disebabkan oleh kesedaran akan kewajiban membayar zakat yang ditanam oleh Angkasa selaku ejen yang dilantik oleh pihak LZS dan khidmat pengiraan zakat perniagaan oleh Unit Skim Perlindungan dan Khidmat Sosial Angkasa. Oleh itu, Angkasa dilihat bersedia mengadakan kerjasama dengan pihak yang dapat memajukan gerakan koperasi di Malaysia.

Angkasa juga dilihat dapat berperanan sebagai koperasi sekunder dimana koperasi ini bertindak sebagai koperasi yang mengumpulkan dan menyalurkan dana. Hal ini disebabkan sifat koperasi ini selaku koperasi apex dan termasuk dalam fungsi utama Angkasa seperti yang dinyatakan di dalam undang undang kecil (UUK) 11 (2) antaranya adalah mengadakan atau menerima dan mentadbir kumpulan wang, tabung atau skim khas atau am bagi memajukan Gerakan Koperasi.

Rajah 6: Lanskap Koperasi Negara 2011-2020



Selain itu fungsi ketiga Angkasa telah menyatakan dengan jelas bahawa antara peranan Angkasa adalah menyediakan dan memberi perkhidmatan nasihat dan panduan berkenaan dengan hal pentadbiran, pengurusan, perakaunan, audit, undang-undang, keusahawanan, skim perlindungan sosial termasuk zakat dan wakaf, kemudahan BPA dan lain-lain perkhidmatan untuk kepentingan koperasi ahli dan gerakan Koperasi amnya. Perkara ini secara tidak langsung merupakan nilai tambah yang diperlukan di dalam model koperasi modal teroka Islam. Bahkan, Angkasa mungkin cenderung terlibat dengan lebih aktif kerana mempunyai

kepentingan keuntungan di dalam usahasama yang dijalankan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, prospek bagi aplikasi Modal teroka Islam dalam koperasi koperasi di Malaysia sangat besar. Penelitian terhadap lanskap koperasi di Malaysia mendapati terdapat fungsi sedia ada sangat menyokong model modal teroka koperasi. Contohnya antara fungsi Angkasa adalah menerima atau mentadbir kumpulan wang bagi memajukan gerakan koperasi. MKM pula dapat memberikan tambah nilai kepada koperasi primer dengan cara memberikan latihan dan bimbingan yang diperlukan. Selain itu, pihak Angkasa juga boleh menjadi koperasi sekunder di mana pihak koperasi ini menggerakkan usaha mengumpulkan dana untuk disalurkan kepada koperasi primer yang menjalankan aktiviti perniagaan.

Aplikasi koperasi modal teroka pula dilihat mengundang pelbagai persoalan. Persoalan ini tertumpu kepada bagaimana sudut tadbir urus di peringkat kerajaan, kawalan undang undang, tanggapan terhadap koperasi primer, skop aktiviti koperasi primer dan skop aktiviti koperasi sekunder.

Bagi kepatuhan syariah pula, terdapat dua pilihan untuk dilaksanakan dalam model ini. Samaada menggunakan konsep model koperasi patuh Syariah sedia ada, atau menggunakan model kepatuhan Syariah selain dari yang ditetapkan oleh SKM seperti pengambilan sijil MS ISO 1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti - Keperluan daripada Perspektif Islam atau penerapan kerangka tadbir urus Syariah dari Bank Negara. Sekiranya pilihan kedua menjadi pilihan pihak koperasi mungkin tidak perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari SKM bagi urusan peralantikan penasih Syariah.

Akhirnya, penulis mencadangkan diadakan satu kajian yang komprehensif mengkaji mekanisme pelaksanaan koperasi modal teroka Islam supaya model ini dapat diaplikasikan di Malaysia. Selain itu, terdapat juga jurang berkaitan perundangan kerana aplikasi ini akan menggabungkan antara perkara sedia ada dan perkara yang baru. Skop kawalan oleh pihak SKM mahupun pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia perlu diperincikan dengan lebih terliiti.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil geran penyelidikan FRGS/1/2018/SS01/UKM/02/5.

RUJUKAN

Abdullah Jalil. 2005. Modal teroka sebagai pemangkin keusahawanan umat Islam: Peluang dan cabarannya di Malaysia. 1-15.

- Ahmad Hidayat Buang. 2004. Koperasi secara Islam dalam kerangka perundangan Malaysia. *Jurnal Syariah* 12: 1–24.
- Ahmad Lutfi Abdull Mutalip. 2000. Islamic venture capital and private equity: legal issues and challenges. *AZMI & Associates Advocates & Soicitors*, 1–36.
- Al-Suwailem, S. 1998. Venture Capital: A Potential Model of Musharakah. *Journal of King Abdulaziz University-Islamic Economics* 10 (1), 3–21. <https://doi.org/10.4197/islec.10-1.1>
- Andri Soemitra. 2010. Bank dan Lembaga Keuangan Syariah. ed.1., cet.2. Jakarta: Kencana.
- Bascha, A. & U. Walz. 2002. Convertible Securities and Optimal Exit Decisions In Venture Capital Finance. *Journal of Corporate Finance* 7: 285–306.
- Chung, E. & Wessel, M. 2012. The Distruption of Venture Capital. *Havard Business Review* <https://hbr.org/2012/01/the-disruption-of-venture-capi> [30 September 2019]
- Cizakca, M. 2010. Introducing venture capital to Islamic countries. *The Third Islamic Venture Capital and Private Equity Conference*, Kuala Lumpur. 28-29 September.
- Dar, H. a, & Presley, J. R. 2000. Lack of Profit Loss Sharing in Islamic Banking: Management and Control Imbalances. *International Journal of Islamic Financial Services* 2(00): 9–12.
- Elsiefy, E. 2014. Fundamental Requirements for Building an Islamic Venture Capital Model. *Accounting and Finance Research* 3(1), 55–66. <https://doi.org/10.5430/afr.v3n1p55>.
- Feng, H. 2018. Two-Way Selection of Venture Capital and P2P Platform. *Technology and Investment* 09(01): 80–89. <https://doi.org/10.4236/ti.2018.91006>.
- Gompers, P.A. & J. Lerner. 1998. What drives venture capital fund-raising? brookings papers on economic activity and microeconomics 1998:149–204.
- Gompers, P.A. & J. Lerner. 1999. What drives venture capital fundraising? NBER Working Paper 6906. <https://www.nber.org/papers/w6906>.
- Gompers, P. A., & Lerner, J. 2001. The venture capital revolution. *Journal of Economic Perspectives* 15(2):145-168.
- Itam@Ismail, M. I., Hasan, R., & Alhabshi, S. M. 2016. Shariah governance framework for Islamic co-operatives as an integral social insitution in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 4878(Special Issue: Islamic Banking and Finance): 477–500.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. 1958. Akta Bank Negara 1958. Akta 519. (dimansuhkan)
- Malaysia. 1993. Akta Koperasi 1993. Akta 502.
- Malaysia. 2007. Akta Koperasi 1993. (Pindaan 2007). Akta 502.
- Malaysia. 2007. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Akta 665.
- Malaysia. 2009. Akta Bank Negara 2009. Akta 701.
- Malaysia. 2013. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Akta 759.
- Malaysia. 2015. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (Pindaan 2015). Akta 671.
- Mohd Mazli Mohd Aini, Salmy Edawati Yaacob & Ahmad Dahlan Salleh. 2016. *Koperasi kredit menurut perspektif syariah: tinjauan dari sudut sejarah dan pandangan ulamak terhadapnya*. Buku Konvensyen Kebangsaan Koperasi Patuh Syariah ANGKASA & UKM (KON SIS) 2016: 44–62.
- Muhammad Issyam Itam, Rusni bt Hasan, & Syed Musa Alhabshi. 2016. Shariah Governance Framework For Islamic Co-Operatives As An Integral Social Insitution In Malaysia. *Intellectual Discourse*, 24. <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/islam/article/view/930> [30 September 2019].
- Narayanasamy, C.& Hashemoghli, A. & Mohd-Rashid, Rasidah. 2012. Venture Capital Pre-Investment Decision Making Process: An Exploratory Study in Malaysia. *Global Journal of Business Reseach* 6 (5), 49–64.
- Noor Azura Shahril, 2019. Sc Kaji Cadangan Icmr Pacu Sinergi Ekosistem Modal Teroka. *Bisnes Sinar*: <https://www.bisnessinar.com/sc-kaji-cadangan-icmr-pacu-sinergi-ekosistem-modal-teroka/> [30 September 2019].
- Nurul Huda & Mohammad Heykal. 2010. Lembaga Keuangan Islam: Tinjauan Teoritis dan Praktis. Jakarta: Kencana.
- Pretorius, M. A., & Schutte, C. S. L. 2015. Cooperative Venture Capital Model: Engineering an Innovation Pipeline. *Iamot*, 1325–1347.
- Recklies, Dogmar & Recklies, Oliver. 2000. The Venture Capital Industry: Analysis and Future Development. <https://www.themanager.org/pdf/vc.pdf> [30 September 2019].
- Rusni Hasan. 2013. The evolution of islamic venture capital in malaysia: an expository study. *Malaysian Court Practice Bulletin*.
- Samad, R. R., & Shafii, Z. 2016. *Adoption of Shari'ah governance in cooperative sector in cooperative sector in Malaysia: case of cooperative banks and credit unions*. 1–21.
- SKM. 2009. GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi. 1-31. <https://www.skm.gov.my/images/images/Garis-Panduan/GP07.pdf> [30 September 2019]

- SKM. 2011. GP20: Garis Panduan Mengenai Federasi Koperasi Kredit. 1-19. <https://www.skm.gov.my/images/images/Garis-Panduan/GP20-Garis-Panduan-Mengenai-Federasi-Koperasi-Kredit.pdf> [30 September 2019].
- SKM. 2013. GP25: Garis panduan aktiviti pajak gadai Islam (ar-rahnu). 1-37. <https://www.skm.gov.my/images/images/Garis-Panduan/Arrahnu.pdf>. [30 September 2019].
- SKM. 2015a. GP7B: Garis panduan pemberian ibra' (rebat) bagi pembiayaan islam berasaskan jual beli. 1-12. <https://www.skm.gov.my/images/images/Garis-Panduan/GP7B-Garis-Panduan-Pemberian-Ibra-Rebat-Bagi-Pembiayaan-Islam-Berasaskan-Jual-Beli.pdf> [30 September 2019].
- SKM. (2015b) GP28: Garis panduan tadbir urus Syariah. 1-45. <https://www.skm.gov.my/images/images/Garis-Panduan/GP28-Garis-Panduan-Tadbir-Urus-Syariah.pdf> [30 September 2019].
- Startuppranking.com. 2019. Top - Malaysia. <https://www.startupranking.com/top/malaysia> [30 September 2019].
- Syahida Abdullah. 2014. Peranan kewangan Islam dalam industri halal. *Muzakarah ahli majlis penasihat syariah institusi kewangan di Malaysia kali ke-10*.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1998. Nazariyyah ad-Darurah as-Syarieyyah Muqaranah Ma' Qanun Wadie'. Ed. Ke-5. Beirut: Muassasah ar-Risalah.

Azlin Alisa Ahmad
azlinalisa@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

Khairul Fatihin
Pelajar Doktor Falsafah
kfatihin@gmail.com
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

LAMPIRAN A

Contoh syarikat peringkat permulaan yang mendapatkan dana dari syarikat modal teroka luar negara

No	Syarikat	Jumlah	Pelabur	Peringkat	Tarikh
1.	Pictochart	Tidak didedahkan	Chinaaccelerator	Modal Benih	30 Jun 2011
		\$150,000.00	Sosventures Cradle Fund (Geran dari kerajaan Malaysia)	Modal Benih	01 Oktober 2012
2.	Kaodim	\$550,000.00	500 Startups East Ventures KK Fund	Modal Benih	14 Februari 2015
		\$4,000,000.00	Venturra Capital 500 Startups BEENEXT East Ventures	Siri A	01 November 2015
3.	DeliverEat	RM2,000,000.00	ASEAN Superseed Fund	Modal Benih	28 Februari 2017

Sumber: startupranking.com

LAMPIRAN B

Perbandingan antara pentadbiran Syariah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM)

Persamaan		Perbezaan	
BNM	SKM	BNM	SKM
1. Dua peringkat Majlis penasihat Syariah di Bank Negara dan di dalam Bank Islam.	Dua peringkat Majlis penasihat Syariah di peringkat SKM dan di dalam koperasi Islam.	Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, MPS bermaksud MPS yang ditubuhkan menurut Akta Bank Negara 2009	Menurut akta SKM, Majlis Penasihat Syariah ertinya majlis penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 16B(1) Akta Bank Negara Malaysia 1958
2. Meletakkan syarat supaya perbankan Islam atau Takaful membina kerangka tadbir urus Syariah yang mampan.	Meletakkan syarat supaya Koperasi Islam membina tadbir urus Syariah yang mampan.	Menurut Kerangka tadbir urus Syariah terdapat keperluan ditubuhkan fungsi Kawalan risiko Syariah, fungsi semakan Syariah, fungsi kajian Syariah, dan fungsi audit Syariah.	Terbatas kepada koperasi yang menjalankan fungsi pengantaraan kewangan berlandaskan Syariah meliputi: <ol style="list-style-type: none"> Fungsi perbankan Fungsi kredit Pebiayaan; dan Ar-Rahnu Hanya fungsi sekretariat Syariah ditetapkan. Lembaga koperasi, pengurusan koperasi, dan jawatan kuasa audit dalaman hendaklah berkerjasama dengan Jawatankuasa Syariah koperasi dalam memastikan aktiviti koperasi sentiasa mematuhi Syariah.
3. Perbankan Islam hendaklah mematuhi parameter Syariah yang dikeluarkan oleh MPS bank negara.	Koperasi Islam hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM dan merujuk parameter yang dikeluarkan oleh MPS bank negara.	MPS bank negara mengeluarkan parameter Syariah. Bank tidak dibenarkan melanggar parameter ini.	Garis panduan di keluarkan oleh SKM tanpa diketahui siapakah MPS yang terlibat.
4.		Terdapat kategori perbankan Islam semasa mendapatkan lesen.	Tiada kategori koperasi Islam atau sebaliknya semasa pendaftaran koperasi. Koperasi yang menawarkan produk kewangan Islam hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan berkaitan produk kewangan Islam seperti GP 28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah, GP20: Garis Panduan Mengenai Federasi Koperasi Kredit, GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu), GP07B: Garis Panduan Pemberian Ibra' (Rebat) Bagi Pembiayaan Islam Berasaskan Jual Beli, dan lain lain.
5		Terdapat akta khas berkaitan perbankan Islam menerusi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.	Tidak ada akta khas berkaitan koperasi Islam. Ia hanya ditadbir menerusi Akta koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Sumber: Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007

KANDUNGAN / CONTENTS

Interaksi Mualaf India dengan Keluarga Bukan Islam Berkaitan Upacara Pengebumian Jenazah <i>The Interaction of Indian Muslim Converts with Non-Muslim's Family Regarding Funeral Rites</i> Mohd Faqih Baharudin, Zuliza Mohd Kusrin	1-10
Analisis Konsep Ganjaran di dalam Sistem Transaksi Matawang Digital Menurut Perspektif Islam <i>An Analysis of the Concept of Reward in the Digital Currency Transactions System from Islamic Perspective</i> Sheikh Ameer Shaik Mohd Zeferi, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	11-21
Prospek Aplikasi Modal Teroka Islam dalam Koperasi di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur <i>Prospects of Islamic Venture Capital Application in Cooperatives in Malaysia: A Literature Review</i> Azlin Alisa Ahmad, Khairul Fatihin	22-33
Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam <i>The Position and Implication of Article 3(1) Federal Constitution: Towards Strengthening the Sanctity of Islam</i> Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin	34-45
Analisis Syariah Terhadap Kedudukan Bitcoin Sebagai Alat Pembayaran <i>Sharia Analysis of the Bitcoin Status as Payment Method</i> Muhammad Amir Husairi Che Rani, Ahmad Dahlan Salleh	46-64

Journal of Contemporary Islamic Law

(2019)Vol. 4(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda
Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2019), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 4(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.